

MORIB, 21 DIS (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN TENTANG GOLONGAN PEMIMPIN YANG HANYA MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA SOAL PELUANG DAN GILIRAN UNTUK MENIKMATI KEISTI-MEWAAN SEBAGAI KETUA.

KATANYA, OLEH KERANA PEMIMPIN TIDAK DAPAT TIDAK AKAN MENIKMATI BERBAGAI KEISTIMEWAAN, BUKAN SEMUA YANG INGIN MENJADI PEMIMPIN DIDORONG OLEH TUJUAN BAHAGIA LAGI MULIA.

+SEBAB ITU KERAP-KALI KITA DAPATI RAMAI DARI MEREKA YANG BERMINAT MENJADI PEMIMPIN TIDAK SUKA MENDENGAR SOAL KEUPAYAAN ATAU KECEKAPAN MEMIMPIN, + TAMBAH TIMBALAN PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO MENYATA-KAN DEMIKIAN DI PERASMIAN KURSUS PIMPINAN ROHANI ANJURAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA DI SINI. UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH SETIAUSAHA AGUNG UMNO MALAYSIA, DATUK MUSTAFFA JABAR.

KATANYA, NIAT SEBENAR SESEORANG ITU INGIN MENJADI PEMIMPIN JARANG DAPAT DIKENAL AWAL DAN HANYA DIKETAHUI APABILA PEMIMPIN SUDAH MENDAPAT TEMPAT.

+DI WAKTU ITU AGAK LEWAT UNTUK MENARIK BALIK SOKONGAN KEPADANYA. SEMAKIN LAMA DITUNGGU, SEMAKIN KUAT KEDUDUKAN PEMIMPIN, DAN SEMAKIN SUKAR UNTUK MELUCUTKAN JAWATANNYA. + — BERSAMBUNG 1101/YF

MAHATHIR - KEPIMPINAN 2 MORIB

PERKARA TERSEBUT, MENURUTNYA, MENJADI LEBIH RUMIT DENGAN ADANYA GOLONGAN PENGIRING YANG TAAT SETIA DAN SANGGUP MEMELIHARA PEMIMPIN SERUPA ITU KERANA MEREKA BIASANYA MENDAPAT MANFAAT DARI PEMIMPIN YANG DILINDUNGI.

PEMIMPIN PULA SEBALIKNYA AKAN MELINDUNGI PENGIRINGNYA WALAUPUN DIKETAHUI IA BERSALAH AKIBAT IKATAN KUKUH ANTARA KEDUA-DUANYA.

KEADAAN TERSEBUT AKAN BERTAMBAH BURUK DAN AKHIRNYA TERCETUSLAH PEMBERONTAKAN DAN REBUTAN KUASA YANG MUNGKIN MENJADIKAN MASYARAKAT HANCUR LEBUR, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BAHAWA MEMANDANGKAN HAKIKAT YANG KEPIMPINAN TETAP ITU AKAN MENYELEWENG DAN USANG ADALAH PENTING UNTUK MENGEKALKAN KEPIMPINAN YANG BAIK.

+SEMAKIN LAMA KEPIMPINAN YANG BAIK BERTERUSAN SELAMA ITULAH MASYARAKAT MENJADI LEBIH BAHAGIA DAN SELAMA ITULAH MASYARAKAT DAPAT MENYERAP UNSUR-UNSUR KEKUATAN DAN NILAI YANG BOLEH MENGEMBA-LIKANNYA KEPADA KESEMPURNAAN SETELAH PENYELEWENGAN KEPIMPINAN DIATASI, + UJARNYA.

BELIAU JUGA MENGINGATKAN BAHAWA KEPIMPINAN TIDAK LAGI BOLEH DIBIARKAN WUJUD SEPERTI CENDAWAN TETAPI HARUS DIBENTUK MENGIKUT LUNAS-LUNAS YANG SIHAT UNTUK MENJAMIN PEMBENTUKAN MASYARAKAT BAHAGIA. — BERSAMBUNG 1107/YF

22

B507

MAHATHIR - KEPIMPINAN 3 MORIB

+YANG JELAS IALAH UNTUK MENENTUKAN KEPIMPINAN YANG BAIK WUJUD, PEMIMPIN TIDAK BOLEH DIBIAR TUMBUH SEPERTI CENDAWAN SAHAJA TANPA DITENTUKAN DAHULU KEPIMPINANNYA BERASAS KEPADA YANG BENAR DAN BAIK BAGI MASYARAKAT.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA TELAH MENYENTUH TENTANG BAIK BURUKNYA DISPLIN.

KATANYA, AKIBAT TIDAK MENGIKUT DISPLIN PEMANAH-PEMANAH TENTERA ISLAM TELAH LALAI DARI TUGAS MEREKA MENGAKIBATKAN KEKALAHAN DALAM PEPERANGAN UHUD.

BAGAIMANAPUN, DISPLIN SECARA MEMBABI-BUTA TANPA MENYOAL PEMIMPIN SEPERTI KEJADIAN MEMBUNUH DIRI BERAMAI-RAMAI OLEH PENGANUT +KUIL RAKYAT+ DI BAWAH PIMPINAN SEORANG PADRI ITU ADALAH SATU CONTOH BURUKNYA DISPLIN, KATANYA.

PENGERUSI JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA PERGERAKAN UMNO MALAYSIA, HAJI DASUKI AHMAD MENDAKWA ADA PARTI-PARTI POLITIK YANG MEMPERGUNAKAN SEBILANGAN KECIL GOLONGAN DAKWAH UNTUK MENJEJAS KEWIBAWAAN UMNO.

BELIAU JUGA MEMBIDAS GOLONGAN YANG TIDAK BERAIMPATI DENGAN PERJUANGAN UMNO WALAUPUN MEREKA MENIKMATI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN HASIL DARI PERJUANGAN PARTI ITU. -- BERNAMA 1114/YF

56